

# Hari Peladang harus dijadikan pengukur pencapaian diri

KUALA LUMPUR 6 Ogos — Hari Peladang, Penternak dan Nelayan yang diadakan setiap tahun harus dijadikan hari untuk menilai pencapaian diri supaya tidak ketinggalan dengan arus perubahan yang semakin pantas, kata Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad.

Perdana Menteri berkata, perubahan yang dianggap remeh-temeh tetapi sebenarnya signifikan mesti dihayati oleh para peladang, penternak dan nelayan sekiranya golongan ini tidak mahu tertinggal di belakang.

Sebagai contoh, katanya, tanaman ruji iaitu padi mungkin satu hari nanti, tidak lagi relevan dengan selera rakyat negara ini apabila Malaysia menjadi sebuah negara maju.

"Tidak semestinya kita akan import beras selama-lamanya, mungkin satu hari nanti kita akan menjadi 'bangsa makan roti' dan ketika itu gandum akan menjadi lebih murah daripada beras," katanya semasa berucap merasmikan Hari Peladang, Penternak dan Nelayan Kebangsaan 1994 di sini hari ini.

Perdana Menteri me-

nambah, setiap kali Hari Peladang, Penternak dan Nelayan diadakan, pengetahuan petani dan nelayan juga mesti bertambah, bukan sekadar mengadakan pameran yang hanya bermanfaat kepada golongan tertentu.

Dr. Mahathir berkata, golongan ini perlu menambahkan pengetahuan di bidang elektronik, sebagai alat untuk mengesan perubahan yang berlaku di sekitar mereka.

"Zaman dahulu pun berlaku perubahan, tetapi ia berlaku dengan perlahan-lahan dan kita boleh kejar perlahan-lahan, tetapi di zaman moden ini, segala-galanya berlaku dengan pantas, sukar untuk kejar perubahan ini," ujarnya.

Beliau membidas sikap segelintir rakyat yang bersikap 'tidak mengapa' walaupun ditinggalkan.

"Ada yang tanya balik, apa salahnya kalau tertinggal... Saya kata kalau tertinggal kita akan dihinakan, menderita dan terpaksa ikut itu dan ini walaupun kita tidak rela," tegasnya.

Akibatnya, tambah beliau, golongan yang tertinggal ini akan hilang kebebasan diri dan akhirnya menjadi hamba.

Beliau berkata, cara menangkap ikan atau menternak haiwan telah berubah mengikut pertumbuhan penduduk.

"Ketika penduduk negara ini sedikit, kita boleh tangkap ikan seekor demi seekor dengan kail, sekarang sudah 19 juta penduduk, kalau masih guna kail, ramai yang akan mati kebuluran," katanya.

Kata beliau, imej bidang pertanian sekarang juga perlu diubah kalau mahu golongan yang terlibat di bidang pertanian disegani.

"Bila kita pergi bank hendak pinjam duit, pegawai tidak bagi (duit) kerana kita petani, sebab dia tahu kita tidak mampu bayar balik, sebab itulah kadang-kala kita (kerajaan) tidak beri pinjaman, tetapi kita beri terus (duit), kira halal sudahlah," ujar beliau.

Menurut beliau, petani mesti berusaha membuka mata masyarakat bahawa golongan itu juga berupaya, dengan menubuhkan syarikat-syarikat gergasi dan menjadi pemegang saham dalam syarikat itu.